

18 JUL 2000

Mahathir-Cina

HANYA YANG DITERIMA MAJORITI RAKYAT BOLEH JADI PM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hanya orang yang diterima majoriti rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini akan diterima menjadi Perdana Menteri.

Oleh itu, katanya kalau ada orang Cina yang boleh diterima oleh orang Melayu, orang itu boleh menjadi Perdana Menteri.

"Tetapi saya khawatir dengan parti lawan yang selalu sebar perasaan berkauman, kononnya nak tolak hak orang bukan Islam dan takutkan orang Cina dengan macam-macam, saya fikir orang itu tidak diterima oleh orang India dan orang Cina.

"Dan mereka itu tidak boleh menjadi PM," katanya pada persidangan Dewan Rakyat ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Yusof Haji Yacob (BN-Sipitang) yang meminta beliau menjelaskan kenyataannya sebelum ini bahawa orang Cina boleh menjadi Perdana Menteri.

Yusof juga meminta penjelasan Dr Mahathir mengenai orang Melayu atau Islam yang macam mana yang beliau inginkan untuk masa ini dan masa depan.

Beliau turut bertanya Dr Mahathir sama ada beliau memilih orang Melayu yang bijak, yang menguasai semua jenis ilmu, ilmu moden, fardu ain dan fardu kifayah dan berbaik-baik dengan semua kaum, atau Melayu yang beribadat, menguasai fardu ain dan fardu kifayah tetapi membenci kaum lain dan mereka yang tidak seperjuangan dengan mereka.

Dr Mahathir berkata orang Melayu yang berpegang kepada ajaran Islam dan kesederhanaan agama adalah golongan mereka yang boleh diterima oleh orang Cina.

"Sebab itu sehingga kini orang Melayu yang jenis itu sahaja yang dapat jadi PM. Jenis yang satu lagi ni, mungkinlah di dua tiga negeri dapat jadi MB (Menteri Besar). Tapi saya fikir setakat itu sajalah," katanya disambut gelak ketawa anggota penyokong kerajaan.

Ketika menjawab soalan tambahan Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah), Perdana Menteri berkata kenyataannya mengenai orang Cina boleh menjadi PM itu bukanlah satu arahan.

"Walaupun pendapat saya diberi pertimbangan tetapi pendapat saya bukan menjadi satu arahan. Apa yang saya kata tidak akan menjadi kenyataan melainkan ini menjadi pilihan rakyat," katanya.

Menjawab soalan Mohamad bahawa kenyataan Perdana Menteri itu membuatkan kalangan orang Umno gelisah dan khawatir, Dr Mahathir berkata; "Nampak benarlah parti PAS sanggup terima Kit Siang (Lim Kit Siang, Pengerusi DAP)... Sedangkan Umno ni berhati-hati sikit barang-kali. Sebab itu mereka khawatir."

Dr Mahathir juga berkata kalau beliau orang yang begitu berkuasa, sudah lama parti PAS tidak ada dalam negara ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu tidak berlaku kerana negara ini tertakluk kepada perundangan negara dan demokrasi yang diamalkan.

Ketika menjawab soalan asal Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) Dr Mahathir berkata negara mengamalkan sistem demokrasi dan mana-mana parti politik yang berjaya mendapat majoriti undi dalam pilihan raya umum akan dapat membentuk kerajaan dan seterusnya menjadi Perdana Menteri.

Katanya, Perlembagaan Malaysia tidak menyebut mengenai keturunan bagi melayakkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri.

Beliau juga berkata kenyataannya mengenai keturunan bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri tidaklah sama-sekali bertujuan menakut-nakutkan

orang Melayu tetapi adalah hakikat politik yang nyata yang mungkin terjadi selaras dengan prinsip demokrasi yang diamalkan negara ini.

"Harus diingat bahawa pemimpin parti PAS juga telah menyatakan kesanggupannya untuk menerima Lim Kit Siang sebagai PM dan saya percaya Lim Kit Siang bukan orang Melayu.

"Apakah ia juga ingin menakutkan orang Melayu. Wallahuaklam," katanya.

Menjawab soalan tambahan Kerk, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada orang lain untuk membuat tafsiran mengenai kenyataannya itu.

"Saya cuma buat kenyataan. Tafsirannya terpulangnyanya kepada orang berkenaan. Kalau DAP sambut baik, kata baik sudahlah... Jangan cakap fasal orang lainlah," katanya, apabila Kerk berkata bahawa kenyataan Perdana Menteri itu disambut baik DAP dan masyarakat Cina tetapi orang Umno nampaknya mengatakan kenyataan Perdana Menteri itu merupakan amaran kepada orang Melayu.

-- BERNAMA

NZ NMO